

## Usahawan Kemas promosi produk di GM Klang

**KLANG** – Pusat Pemborong GM Klang (GM Klang) di Bandar Botani di sini telah memberi peluang kepada 37 usahawan bimbingan Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) untuk menawarkan produk keluaran masing-masing di pusat belibelah itu sehingga 28 April ini.

Ketua Pengarah Kemas, Datuk Mohamad Yasid Bidin berkata, usahawan yang terlibat adalah dari tiga negeri iaitu Kemas Selangor dengan penyertaan 16 usahawan, 12 peniaga dari Kemas Wilayah Persekutuan dan sembilan lagi dari Kemas Negeri Sembilan.

"Ini peluang perniagaan secara terus ditawarkan kepada mereka untuk meluaskan promosi kepada pengunjung di GM Klang.

"Lebih meriah apabila kini adalah masa terbaik untuk orang ramai membeli barangan untuk persiapan sambutan Syawal tidak lama lagi.

"Pelbagai produk usahawan

tempatan yang diketengahkan seperti kuih raya, pakaian, produk kecantikan dan kesihatan, produk kraftangan serta aksesori.

"Turut diadakan juga pameran aktiviti Kemas, demonstrasi kemahiran, peragaan fesyen, pertandingan dan ceramah keusahawanan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Ri-ooh Raya GM Klang baru-baru ini.

Turut hadir Pengarah Urusan GM Klang, Datuk Lim Seng Kok.

Mohamad Yasid berkata, program jualan tersebut mengunjurkan kehadiran pengunjung lebih daripada 5,000 orang sepanjang 21 hari program itu berlangsung.

"Kita berharap kerjasama antara Kemas dan GM Klang dalam memasarkan produk usahawan Kemas akan dapat diteruskan pada masa depan," jelas beliau.



**MOHAMAD YASID** melihat produk usahawan Kemas di GM Klang di Bandar Botani baru-baru ini.